



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

6 Februari 2020

1. Siasat kemungkinan babi di Bali mati akibat ASF; Berita Harian

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Dunia	Muka Surat <input type="text" value="41"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
6.2.2020			

Siasat kemungkinan babi di Bali mati akibat ASF

Jakarta: Kementerian Pertanian Indonesia, menyiasat kemungkinan kematian sejumlah 880 ekor babi di kepulauan Bali mempunyai kaitan dengan demam babi Afrika (ASF).

Haiwan berkenaan ditemukan mati antara Disember dan Januari lalu dan setakat ini tiada penularan ASF di Bali, tetapi wabak itu dikesan sudah membunuh lebih 43,000 babi di utara Sumatera sehingga memaksa kerajaan melakukan langkah pengasingan di

kawasan berkenaan.

"Kami sedang berusaha untuk menghentikan kematian babi menggunakan tindakan operasi standard bagi penyakit haiwan berjangkit seperti ASF dan hog cholera, dan sedang menyiasat adakah ia berpunca dari ASF atau sebab lain," kata Pengarah Kesihatan Haiwan, Fajar Sumping Tjatur Rassa kepada *REUTERS*.

ASF dikesan melanda China sejak ia kali pertama dikesan

pada Ogos tahun lalu dan membunuh sehingga 40 peratus babi.

Ia memaksa negara itu menghentikan pengimportan babi, babi hutan dan produk berkaitan dari Indonesia sejak Disember.

Daging dan produk berasaskan daging haiwan itu juga tidak dibenarkan terlepas dari kawasan berjangkit di utara Sumatera dan mereka yang dijangkiti juga terpaksa melalui pemeriksaan kesihatan.

REUTERS